

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SABRI BIN AZIT (JERAI)

TARIKH : 5 NOVEMBER 2019 (SELASA)

SOALAN

TUAN SABRI BIN AZIT (JERAI) minta **MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA** menyatakan berapakah kos yang dibelanjakan dan apakah fungsi penubuhan 1430 buah Komuniti Harapan Malaysia diseluruh Negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Komuniti Harapan Malaysia (KHM) adalah sebuah badan sukarela pelbagai kaum yang diurus tadbir oleh Jabatan Penerangan Malaysia (JaPen) di peringkat komuniti setempat bagi memupuk nilai-nilai murni dan kenegaraan untuk merealisasikan aspirasi dan hala tuju negara. Ianya juga merupakan gerakan sukarela sebagai jaringan rangkaian strategik Kerajaan melalui JaPen di peringkat akar umbi sebagai penghubung komuniti dalam memasarkan maklumat Kerajaan dan perpaduan. Fungsi KHM secara umumnya adalah untuk:

- a) menerangkan maklumat Kerajaan dan isu-isu semasa dengan cepat, tepat dan sahih;
- b) memupuk semangat perpaduan dan cintakan negara dalam kalangan komuniti setempat;
- c) memantau dan mengumpul isu-isu dan kehendak komuniti setempat untuk perhatian dan tindakan penambahbaikan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan; dan
- d) membantu memaju dan memperkasakan keupayaan dan daya saing komuniti setempat sejajar dengan perkembangan sosio-ekonomi semasa.

2) Kos pentadbiran KHM melibatkan peruntukan kewangan berjumlah RM5.7juta setahun bagi keseluruhan 1,430 KHM yang mana peruntukan ini adalah peruntukan sedia ada JaPen.

3) Setiap KHM akan menerima sejumlah RM4,000.00 setahun sebagai peruntukan pengurusan bagi membiayai pentadbiran Jawatankuasa KHM meliputi perbelanjaan pengurusan, utiliti dan kos-kos pentadbiran jawatankuasa.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **Y.B. DATO' NGEH KOO HAM**
[BERUAS]
TARIKH : **5 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

SOALAN NO. 33

Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [BERUAS] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kadar cukai import ke atas kenderaan yang diimport daripada negara-negara ASEAN dan negara-negara bukan ASEAN. Adakah Kerajaan berhasrat untuk mengurangkan atau menghapuskan cukai import ke atas kenderaan yang diimport ke dalam Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kenderaan yang diimport dari negara ASEAN adalah tertakluk kepada duti import 0%, manakala bagi kenderaan yang diimport dari negara bukan ASEAN adalah tertakluk kepada kadar duti import 30%. Pada masa ini, Kerajaan tidak berhasrat untuk mengurangkan atau menghapuskan duti import ke atas kenderaan yang diimport.

Namun begitu, sebarang langkah untuk mengurangkan kadar duti import bagi kenderaan import memerlukan kajian komprehensif dan menyeluruh supaya dapat memberi manfaat kepada golongan yang disasarkan serta mengambil kira kesannya kepada industri pengeluaran kenderaan tempatan.